

SOALAN NO: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

YB Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) apakah status penternakan ikan kerapu harimau (tiger grouper) di kawasan Sungai Menghulu, Mukim Kuah, Langkawi yang dibayai oleh Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) ; dan

- (b) apakah nama kontraktor yang dianugerahkan projek tersebut dan berapakah jumlah kos yang dikeluarkan oleh NCER bagi projek tersebut.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk maklumat Yang Berhormat, projek penternakan ikan kerapu harimau (tiger grouper) di kawasan Sungai Menghulu, Mukim Kuah, Langkawi dijalankan untuk meningkatkan hasil pengeluaran ternakan akuakultur marin negara. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat dengan mewujudkan peluang pekerjaan yang baru. Secara amnya, projek ini melibatkan 3 Fasa seperti berikut:

Fasa Pertama

- Pada Fasa Pertama, projek ini melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM15 juta. Sebanyak 800 petak sangkar telah dibina dan mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Mac 2011. Peringkat ini juga melibatkan pembinaan sebuah jeti, pusat kuarantin, pusat pemprosesan makanan ikan, baja dan sebuah bot pukat tunda di Sungai Menghulu, Langkawi.

Fasa Kedua

- Pada peringkat Fasa Kedua, projek ini melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM9.2 juta, di mana sebuah pusat pemberian dan

asuhan telah berjaya dibina serta mula beroperasi pada bulan Disember 2011.

- Lebih kurang sebanyak 4 juta telur ikan kerapu dan 8 juta telur ikan siakap telah berjaya ditetaskan dan dijangkakan pada masa hadapan syarikat peneraju mampu menjadi pengeluar benih utama kepada penternak-penternak tempatan.
- Sehingga kini, syarikat peneraju telah pun mempunyai 40 ekor induk ikan kerapu yang terdiri dari pelbagai spesis. Lebih 100,000 benih telah berjaya dihasilkan untuk setiap kitaran (tempoh untuk setiap kitaran adalah selama 2 bulan). Syarikat peneraju juga telah membina 88 buah kolam untuk tujuan tersebut. Pada masa ini proses pemberian sedang giat dijalankan dengan dipantau oleh Jabatan Perikanan serta dengan kerjasama penyelidik dari Universiti Malaysia Terengganu.

Fasa Ketiga

- Pada Fasa Ketiga, projek ini melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM43.24 juta. Jumlah pelaburan ini melibatkan penambahan pembinaan sebanyak 800 petak sangkar, kilang pemprosesan di Tanjung Dawai, Kedah dan pembelian 2 buah bot pukat tunda.

Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Progressive Ocean Sdn. Bhd. (POSB) adalah merupakan syarikat peneraju kepada projek ini. Pada masa yang sama, pihak NCIA telah pun membekalkan pembiayaan sebanyak RM23.1 juta.

Sekian, terima kasih.